



KEWAJIPAN MELAKSANAKAN IBADAH HAJI ERA PANDEMIK COVID-19: ANALISIS HUKUM FIQH

THE OBLIGATION OF HAJJ DURING COVID-19 PANDEMIC: ANALYSIS OF LAW IN ISLAMIC JURISPRUDENCE (FIQH)

^{1,*} Lukmanul Hakim Hanafi

¹ Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

* Corresponding author. E-mail: lukmanul@usim.edu.my

ABSTRACT

This article aims to explain the jurisprudence of fiqh for the implementation of Hajj for Hajj pilgrims living outside Saudi Arabia during the COVID-19 pandemic in the Hajj season of 2020 and 2021. To achieve the objectives of the study, library research and document analysis methods were used to analyze all relevant documents. The findings of this paper found that the law of performing Hajj for the Hajj pilgrims of the world in the Hajj season of 2020 and 2021 is not obligatory and not sinful to leave it and automatically fall away based on the Qur'an, hadith through the method of fiqh and completion of *darūriyyah* elements in Maqāsid Shariah. While the regulation decided by the Law of the Saudi Arabian government is accurate and in line with this statement. Hopefully, the results of this research will be a guide and reference for prospective pilgrims to be able to accept the provisions of Allah S.W.T. and believing in its wisdom as well as opportunities for a better future without the dangers of COVID-19 and disease outbreaks.

Keywords: *Umrah, Hajj, COVID-19, Alternatives, Fiqh al-Ibadat*



ABSTRAK

Artikel ini bertujuan menjelaskan hukum fiqh bagi pelaksanaan ibadat Haji bagi jemaah Haji yang tinggal di luar kawasan negara Arab Saudi ketika pandemik COVID-19 pada musim Haji 2020 dan 2021. Bagi mencapai objektif kajian, metode kepustakaan dan analisis dokumen digunakan untuk menganalisis semua dokumen berkaitan yang dikumpul. Dapatan kertas kerja ini mendapati hukum pelaksanaan ibadat Haji bagi Jemaah Haji dunia pada musim Haji tahun 2020 dan 2021 adalah tidak wajib dan tidak berdosa meninggalkannya serta gugur kewajipannya secara automatik kerana berdasarkan al-Quran, hadis melalui kaedah fiqh dan penyempurnaan elemen *daruriyyāt* dalam Maqāsid Syariah. Manakala justifikasi yang diputuskan oleh Undang-undang kerajaan Arab Saudi adalah tepat dan selari dengan pernyataan ini. Diharapkan, hasil kajian ini akan menjadi panduan dan rujukan kepada bakal-bakal jemaah Haji agar dapat menerima ketentuan Allah S.W.T. dan meyakini hikmahnya serta peluang pada masa akan datang yang lebih baik tanpa bahaya COVID-19 dan wabak penyakit.

Kata Kunci: *Umrah, Hajj, COVID-19, Alternatif, Fiqh al-ibadat*

Pengenalan

Di era pandemik COVID-19 ketika ini, ramai bakal jemaah haji dan umrah yang bersedih setelah membuat persiapan yang rapi seperti menghadiri kursus haji dan umrah, mengumpulkan perbelanjaan, mendaftar haji dan menunggu gilirannya, persiapan fizikal dan mental, namun tiba-tiba tidak dibenarkan menunaikannya di atas sebab pandemik COVID-19. Ini dibuktikan apabila hanya 10,000 jemaah haji dunia yang tinggal di dalam negara Arab Saudi sahaja yang dibenarkan melaksanakan Ibadah Haji pada musim Haji tahun 2020 yang lepas berbanding hampir 2.5 juta hingga 4 juta jemaah dari serata dunia pada tahun sebelum-sebelumnya. Ia dianggap jumlah terkecil dalam sejarah moden berikutan tindakan kerajaan Arab Saudi menghadkan jumlah jemaah bagi mengekang penularan COVID-19. Perkara ini berlarutan hingga ke musim haji 2021.

Pensyariatan Ibadat Haji Dan Umrah Dari Perspektif Al-Quran Dan Hadis

Fardu haji termasuk juga umrah merupakan salah satu daripada lima Rukun Islam. Hukumnya ialah fardu ain ke atas setiap orang Islam yang mukalaf dan mampu. Firman Allah S.W.T. :

وَأَتِمُّوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ

Terjemahan: Dan Sempurnakanlah Ibadat Haji dan umrah Kerana Allah S.W.T.

(Surah al-Baqarah: 2: 196)

Sabda Rasulullah S.A.W.:



بُني الإسلام على خمس: شهادة أن لا إله إلا الله وأن محمداً رسول الله
 وإقام الصلاة وإيتاء الزكاة وحج البيت وصوم رمضان

Terjemahan: "Didirikan Islam itu atas lima rukun: Pengakuan bahawa tiada Tuhan melainkan Allah S.W.T. dan bahawasanya Muhammad S.A.W. itu pesuruh Allah S.W.T., mendirikan solat, menunaikan zakat, mengerjakan Haji di Baitullah dan berpuasa di bulan Ramadhan."

(Riwayat Bukhari: 1987: 7; Muslim: 2007: 21)

Mengikut pendapat yang sahih, ia difardukan pada penghujung tahun ke-9 hijrah. Ini berdasarkan ayat al-Quran mengenai kefarduannya iaitu firman Allah S.W.T.:

وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ
عَنِ الْعَالَمِينَ

Terjemahan: "Dan Allah S.W.T. mewajibkan manusia mengerjakan ibadat haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya. Dan sesiapa yang kufur (ingkar) kewajipan ibadat haji itu), maka sesungguhnya Allah S.W.T. Maha Kaya (tidak berhajatkan sesuatu pun) dari sekalian makhluk.

(Surah al-Imran, 3: 97)

Ayat tersebut telah diturunkan pada penghujung tahun ke-9 hijrah sebagaimana pendapat kebanyakan ulama'. Dengan itu Rasulullah S.A.W. tidaklah melewatkan pelaksanaannya sehingga satu tahun. Rasulullah S.A.W. hanya melakukan ibadat ini dalam tahun ke-10 hijrah dengan bersebab iaitu ayat ini turun setelah masa mengerjakannya berlalu. Pekerjaan haji yang Rasulullah S.A.W. lakukan selepas hijrah adalah sekali iaitu di tahun ke 10 hijrah seperti yang diriwayatkan oleh Ahmad dan Muslim (al-Zuhayli, 1999: 4).

Hal ini juga berdasarkan hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim, yang mana sabda Rasulullah S.A.W. kepada rombongan Abd al-Qais yang menemui Baginda pada awal tahun ke-9 hijrah, dan bertanya tentang perintah yang wajib mereka lakukan;

مُرَّكُمْ بِالْإِيمَانِ بِاللَّهِ، وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ وَالْحَجِّ وَصَوْمِ رَمَضَانَ،
وَأَنْ تُعْطُوا الْخُمْسَ مِنَ الْمَغْنَمِ

Terjemahan: "Aku perintahkan kamu beriman kepada Allah S.W.T. mendirikan solat, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadhan dan menyerahkan 1/5 daripada harta rampasan perang".

(Riwayat Bukhari, 1987: 7556)



Justeru, sekiranya telah difardukan sebelum tarikh tersebut tentulah Baginda S.A.W. menyebutkannya bersama-sama perintah yang diarahkan kepada mereka (al-Zuhayli, 1999: 5).

Hukum Dan Kedudukan Ibadat Haji Dan Umrah Dari Perspektif Fiqh Islami

Ibadat haji merupakan rukun Islam yang kelima. Ia diwajibkan oleh Allah S.W.T. ke atas orang yang mampu sekali sahaja sepanjang hayatnya. Begitu juga dengan ibadat umrah. Mengikut pendapat ulama' Mazhab Shafi'i dan Hanbali, kedua-dua ibadat tersebut adalah wajib dilakukan berdasarkan firman Allah S.W.T. (al-Bakri, 2011: 68):

وَأَتِمُّوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ

Terjemahan: Dan Sempurnakanlah Ibadat Haji dan umrah Kerana Allah S.W.T.

(al-Baqarah: 2: 196)

Nabi Muhammad S.A.W. telah melakukan umrah sebanyak empat kali, semuanya dalam bulan Zulkaedah kecuali yang dilakukan bersama dengan hajinya. Kali pertama Baginda S.A.W. melakukannya dalam tahun keenam hijrah dilakukan dari Hudaibiyah; kali kedua pada tahun ketujuh hijrah iaitu umrah qada'; kali ketiganya dalam tahun kelapan hijrah, iaitu tahun pembukaan Makkah; dan kali keempatnya dikerjakan bersama dengan hajinya iaitu Baginda S.A.W. berihram pada bulan Zulkaedah dan melakukannya dalam bulan Zulhijah. Al-Qadi Husain, seorang ulama' daripada Mazhab Shafi'i berkata; "Ibadat haji adalah paling afdal (utama) kerana ia meliputi penggunaan harta dan amalan fizikal". Al-Halimiy pula berkata; "Ibadat haji merangkumi semua pengertian ibadat; orang yang mengerjakan haji seolah-olah dia berpuasa, bersembahyang, beriktikaf, berzakat dan berjuang serta berperang di jalan Allah S.W.T.. Ibadat haji merupakan ibadat paling utama sama dengan keimanan itu sendiri" (Al-Zuhaili, 1999: 6).

Berkemampuan/Istitā'ah Sebagai Syarat Wajib Haji Dan Umrah

Haji adalah salah satu dari rukun Islam yang wajib kepada umat Islam yang cukup syarat dan berkemampuan. Maka bermula syarat jatuhnya wajib ke atas umat Islam menunaikan ibadat haji dan umrah jika memenuhi lima perkara iaitu Islam, baligh, berakal, merdeka dan berkuasa. (al-Fatani, 2004: 104). *Istitā'ah* bermaksud kemampuan untuk mengerjakan haji dan umrah. Ibadat haji dan umrah hanya wajib ke atas orang yang berupaya dan berkemampuan. Hal ini berdasarkan firman Allah S.W.T.:

وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ
عَنِ الْعَالَمِينَ

Terjemahan: Dan Allah S.W.T. mewajibkan manusia mengerjakan ibadat haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai



kepadanya. Dan sesiapa yang kufur (ingkar akan kewajipan ibadat haji itu), maka sesungguhnya Allah S.W.T. Maha Kaya (tidak berhajatkan sesuatu pun) dari sekalian makhluk.

(Surah Ali-Imran: 3: 97)

Hal ini juga berdasarkan Hadis Rasulullah S.A.W.:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا يُوجِبُ الْحَجَّ، قَالَ: الزَّادُ وَالرَّاحِلَةُ

Terjemahan: Daripada Ibnu Umar R.A. katanya, seorang lelaki menemui Nabi Muhammad S.A.W. dan berkata, wahai Rasulullah, Apakah antara sebab yang mewajibkan haji?, Baginda S.A.W. bersabda, ada bekalan dan kenderaan.

(Riwayat al-Tirmizi)

Perkataan bekalan dan kenderaan dalam hadis ini mentafsirkan maksud perkataan berkemampuan dalam ayat al-Quran tersebut (al-Khin et. al, 2004: 21-24). Antara maksud dan syarat-syarat *istitā'ah* adalah:

1. Aman perjalanan pergi dan balik.
2. Cukup perbelanjaan dan nafkah pergi dan balik untuk dirinya.
3. Cukup keperluan nafkah asas bagi orang di bawah tanggungannya.
4. Ada kenderaan pergi dan balik.
5. Sihat tubuh badan.

Justifikasi Undang-Undang Kerajaan Arab Saudi

Berdasarkan portal rasmi laporan COVID-19 bagi Kementerian Kesihatan Arab Saudi, sehingga 24 Jun 2020, sejumlah 164,144 kes positif COVID-19 telah dicatatkan di seluruh Arab Saudi dengan jumlah kematian seramai 1346 orang. Kes positif COVID-19 di Makkah sahaja berjumlah 51,750, mereka yang pulih adalah seramai 39,099, manakala mangsa yang meninggal dunia adalah seramai 859 orang¹. Berdasarkan perangkaan daripada Kementerian Kesihatan Arab Saudi, kes positif COVID-19 masih menunjukkan peningkatan dari sehari ke sehari. Pada 26 Mei 2020, Kerajaan Arab Saudi mengumumkan beberapa kelonggaran perintah berkurung kecuali di Makkah di samping mengekalkan larangan untuk mengerjakan umrah. Walau bagaimanapun, dalam perkembangan terkini, Kerajaan Arab Saudi memutuskan untuk menguatkuasakan kembali perintah berkurung di Jeddah untuk tempoh 15 hari, bermula 6 Jun 2020 hingga 20 Jun 2020.

Fakta di atas menunjukkan situasi penularan COVID-19 di Arab Saudi masih berada pada paras yang agak membimbangkan. Dengan kedudukan semasa ini, ia mendorong beberapa negara serantau seperti Malaysia, Indonesia, Brunei, Singapura, Kemboja dan Thailand untuk mengumumkan penangguhan penghantaran jemaah haji bagi tahun ini. Ia mungkin dilakukan setelah mempertimbangkan segala sudut terutamanya dari sudut kesihatan jemaah haji negara masing-masing.



Dalam situasi ini, sebagai umat Islam amat penting untuk kita bersikap *tabayyun* iaitu mendapatkan penjelasan dan bersangka baik terhadap segala tindakan yang diambil oleh pihak pemerintah. Kedudukan ibadah haji sebagai rukun Islam yang kelima tidak akan mudah ditangguhkan begitu sahaja melainkan sudah tentu didatangkan dengan alasan dan justifikasi yang benar-benar kukuh.

Dalam menetapkan sesuatu keputusan, pemerintah sentiasa akan mengambil kira kemaslahatan umum rakyatnya.

Kaedah menyebut:

تَصَرُّفُ الْإِمَامِ عَلَى الرَّعِيَّةِ مَنْوُطٌ بِالمَصْلَحَةِ

Terjemahan: Polisi pemerintah terhadap rakyatnya hendaklah berasaskan kepada maslahat.

المصلحة العامة تُقَدَّمُ عَلَى المصلحة الخاصة

Terjemahan: Maslahat umum hendaklah didahulukan daripada maslahat khas.

Para ulama' menetapkan bahawa segala tindakan yang ditetapkan oleh pihak pemerintah wajib didasari dengan maslahat dan kebaikan terhadap masyarakat umum seluruhnya; iaitu rakyat yang berada di bawah tadbir urusannya. Sekiranya tindakan tersebut bertentangan dengan tujuan dan objektif yang asal, maka tindakan tersebut dianggap tidak sah dan tidak terpakai dari sudut syarak. Melihat kepada kaedah yang kritikal ini, tindakan drastik yang diambil pihak kerajaan Arab Saudi bagi menyekat sebahagian perkara adalah bersandarkan kepada maslahat dan kepentingan umum agar dapat mengurangkan risiko penyebaran wabak daripada bertambah lebih teruk.

Gugur Kewajipan Pelaksanaan Ibadat Haji Dari Perspektif Fiqh

Menurut *Ashab al-Syafi'e*, syarat wajib mengerjakan haji itu adalah selamat dalam perjalanan daripada tiga aspek iaitu nyawa, harta dan *badh'* (yang berkaitan haji wanita dan *khuntha*). Imam al-Haramain mengatakan, aman yang dimaksudkan bukan semestinya ke tahap aman yang bersifat yakin atau aman seperti mana dalam keadaan tidak bermusafir. Akan tetapi aman atau selamat pada setiap tempat itu mengikut yang selayaknya atau sesuai dengannya. Hal ini telah disebutkan dengan jelas dalam al-Majmu' Syarh al-Muhazzab jilid ke-7 pada halaman 80-81.

Menurut pendapat kedua dalam mazhab, haji tidak diwajibkan jika bimbang keselamatan diri dalam perjalanan (*khawf al-tariq*). Ini kerana, jika seseorang memerlukan pengawal keselamatan untuk melindungi diri dan hartanya daripada perompak jalanan, maka haji tidak wajib dikerjakan tanpa khilaf.

Ini bermakna, jika keselamatan daripada bahaya berbentuk fizikal seperti perompak, musuh dan haiwan buas yang boleh menggugat nyawa dan harta benda boleh menjadi sebab haji tidak diwajibkan, apatah lagi bahaya bersifat penyakit yang menjadi pandemik seperti covid-19. Bahaya tersebut bukan sahaja berkemungkinan wujud ketika dalam perjalanan pergi dan balik, bahkan ia secara pasti sedang menular di tempat yang ingin dituju iaitu Makkah al-Mukarramah.

Menurut pandangan muktamad dalam Mazhab Syafi'e, ibadah haji termasuk dalam kategori *wajib muwassa'* iaitu kewajipan yang mempunyai keluasaan waktu untuk mengerjakannya.



Dengan maksud, seseorang yang telah memenuhi syarat wajib untuk menunaikan haji, masih lagi tidak diwajibkan secara serta merta untuk menunaikan haji. Imam al-Nawawi menyatakan seperti berikut. Walau bagaimanapun, dari segi keutamaan, bagi sesiapa yang telah sampai kepada tahun berkemampuan untuk menunaikan haji, disunatkan untuk dia tidak melewatkan atau menangguhkannya. Ini bagi memastikan dirinya terlepas daripada bebanan tanggungjawab mengerjakan fardu haji, keluar daripada khilaf ulama yang mewajibkan secara serta merta dan bersegera dalam mengerjakan ketaatan. Namun jika dia melewatkannya dari tahun berkemampuan, tetapi sempat mengerjakannya sebelum meninggal dunia, maka dia tidak berdosa. Ini berdasarkan keadaan Rasulullah SAW sendiri yang menangguhkan haji ke tahun 10 Hijrah tanpa sebarang halangan. Akan tetapi, penangguhan tersebut mestilah disertai dengan keazaman yang kuat untuk melaksanakannya pada tahun-tahun akan datang. Hal ini disebut dalam kitab al-Hajjiwa al-'Umrah, Ahkam Fiqhiyyah Sadirah 'an al-Mazhab al-Syafi'iy wa Baqiyyah al-Mazahib al-Arba'ah pada halaman 10 dan 11. Ia menunjukkan seseorang yang menangguhkan pemergian hajinya ke tahun yang lain tanpa sebarang halangan, tidak sesekali berdosa jika dia berazam untuk pergi pada tahun-tahun lainnya. Apatah lagi jika dia menangguhkan pemergian hajinya ke tahun lain disebabkan keuzuran yang tidak dapat dielakkan seperti wabak penyakit yang melanda seluruh dunia.

Perspektif Qawaid al-Fiqhiah dan Maqasid Syariah

Dalam isu penangguhan haji disebabkan oleh penularan COVID-19, jika pihak yang berkepakaran iaitu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memberikan pandangan akan realiti dan risiko yang bakal dihadapi sekiranya jemaah haji Malaysia tetap menunaikan haji, maka ia boleh menjadi penilaian kukuh dalam menentukan ukuran darurat yang sebenar. Terdapat beberapa kaedah yang disebutkan oleh fuqaha' dalam berinteraksi dengan situasi darurat atau perkara yang boleh membawa kepada kemudharatan. Antaranya seperti berikut:

Pertama: Antara hadith yang menjadi kaedah fiqh masyhur ialah:

لا ضرر ولا ضرار

Terjemahan: Janganlah memudaratkan diri sendiri dan memberi kemudharatan kepada orang lain.

Kedua: Apabila berlaku kemudharatan, maka wajib dihilangkan kemudharatan tersebut. Ini berdasarkan kaedah:

الضرر يزال

Terjemahan: Kemudharatan hendaklah dihilangkan.

Ketiga: Kemudharatan dihindari daripada berlaku dengan semampu mungkin. Ini berdasarkan kaedah fiqh:

الضرر يدفع بقدر الإمكان



Terjemahan: “Kemudaratan itu hendaklah dihindari semampu mungkin.

Syeikh al-Zarqa’ dalam *Syarah al-Qawa’id al-Fiqhiyyah* berkata:

“Mudarat hendaklah ditolak dengan semampu yang boleh. Jika boleh ditolak keseluruhannya, maka lakukanlah. Sebaliknya, jika tidak mungkin, maka hendaklah mengikut kadar kemampuan.”

Dalam menangani wabak COVID-19, penangguhan haji adalah bertepatan dengan kaedah-kaedah di atas bagi membendung wabak tersebut daripada semakin tersebar sama ada dalam kalangan jemaah haji tempatan mahupun negara lain. Kaedah tersebut sebagaimana kaedah yang dinyatakan dalam hadith Rasulullah SAW yang masyhur:

إذا سمعتم بالطاعون بأرض فلا تدخلوها، وإذا وقع بأرض وأنتم بها فلا تخرجوا منها

Terjemahan: Jika kamu mendengar penyakit taun melanda di suatu kawasan, janganlah kamu masuk ke kawasan tersebut. Dan jika kamu berada di kawasan tersebut, maka janganlah kamu keluar dari situ.

Riwayat al-Bukhari (5728), Muslim (2218) dan Ahmad (21860)

Hadith ini menunjukkan pemerintah boleh mengambil tindakan kuarantin atau sebarang sekatan agar penyakit atau wabak tidak tersebar. ‘Abd al-Rahman bin ‘Auf R.A pernah menyebutkan hadith ini kepada Khalifah ‘Umar bin al-Khattab ketika beliau bercadang pergi ke Syam semasa wabak taun sedang merebak di sana. Mendengar hadith ini, Amirul Mukminin ‘Umar al-Khattab membatalkan hasratnya.

Keempat: Kaedah *fiqh al-Aulawiyat*:

درء مفسد مقدم على جلب المصالح

Terjemahan: Menolak kemudaratan itu hendaklah didahulukan daripada mendapatkan maslahat.

Apabila berlaku pertembungan antara memperoleh kebaikan dan menolak kemudaratan, maka perlu diutamakan menolak kemudaratan. Dalam isu penularan wabak COVID-19 pada musim haji pada tahun tersebut, maka perlu didahulukan menolak kemudaratan iaitu dengan menangguhkan pemergian haji. Hal ini disebabkan kemudaratan yang ada bersifat pasti atau sangkaan kuat iaitu boleh menggugat nyawa. Sedangkan kebaikan yang ingin diperoleh iaitu menunaikan haji masih boleh dikompromi kerana ia merupakan wajib *muwassa’* yang harus ditangguhkan lebih-lebih lagi dalam keadaan darurat.

Kelima: Memelihara Maqāsid Syariah menjaga nyawa *الضرورات الخمسة*



Al-Daruriyyat al-Khamsah dalam Maqāsid Syariah iaitu keperluan yang manusia bergantung kepadanya sama ada dari sudut kehidupan beragama atau keduniaan. Jika ia tidak ada, maka akan berlaku kekurangan dan ketidaksempurnaan hidup manusia di dunia dan azab seksa di akhirat. *Al-Daruriyyat* yang asasi ini merangkumi lima perkara iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta benda. Ia melibatkan kelangsungan hidup manusia. Menjaga nyawa merupakan prinsip yang kedua terpenting mengikut urutan keutamaan untuk dijaga selepas memelihara agama seperti mana yang disebut dalam kitab al-Mustasfa Min 'Ilm al-Usul.

Dalam isu penangguhan mengerjakan ibadat haji, ia dilakukan bagi menyelamatkan rakyat daripada risiko terkena penyakit COVID-19 yang boleh menyebabkan kematian. Ia sesekali tidak membelakangkan prinsip pertama iaitu memelihara agama. Ini kerana, pelaksanaan ibadah haji hanya diwajibkan dalam keadaan memiliki *istitā'ah* atau kemampuan. Dalam keadaan seseorang tidak mampu melindungi keselamatan dirinya daripada penyakit tersebut, maka ia tidak lagi termasuk dalam kategori golongan yang berkemampuan. Apatah lagi apabila ia telah diperakui oleh pihak berautoriti seperti kerajaan.

Kesimpulan

Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas MKI Kali Ke-6 yang bersidang pada 9 Jun 2020 melalui Sidang Video di Kompleks Islam Putrajaya, telah mengambil ketetapan bahawa pelaksanaan ibadah haji pada tahun 1441 Hijrah/ 2020 Masihi ditangguhkan berikutan penularan wabak COVID-19. Muzakarah berpandangan penangguhan ibadah tersebut berdasarkan *istitā'ah* (الإستطاعة) (melibatkan kemampuan menunaikan ibadah haji daripada beberapa aspek iaitu kesihatan, kewangan, keselamatan bakal haji dan keizinan melakukan perjalanan ke Arab Saudi. Tanpa persediaan yang cukup untuk memenuhi kemampuan-kemampuan tersebut, syarat *istitho'ah* tidak dapat dicapai bagi menyempurnakan ibadah haji. Kefarduan ibadah haji dikategorikan sebagai kewajipan yang luas waktu pelaksanaannya (الواجب الموسع). Ia harus ditangguhkan apabila syarat wajib tidak sempurna pada tahun tersebut. Akhir kalam, hukum menunaikan ibadat Haji bagi Jemaah Haji dunia pada musim Haji tahun 2020 dan 2021 adalah tidak wajib dan tidak berdosa meninggalkannya serta gugur kewajipannya secara automatik kerana tidak menepati Al-Quran, Hadis Rasulullah S.A.W., Fiqh, Qawaid Fiqhiah dan Maqāsid Syariah serta syarat wajib Haji yang kelima iaitu *istitā'ah*. Manakala justifikasi yang diputuskan oleh Undang-undang kerajaan Arab Saudi adalah tepat dan selari dengan Al-Quran dan As-Sunah, Fiqh, Qawaid Fiqhiah dan Maqāsid Syariah serta mempunyai hikmahnya yang tersendiri. Diharapkan, hasil penulisan ini akan menjadi panduan dan rujukan kepada bakal-bakal jemaah Haji agar dapat menerima ketentuan Allah S.W.T. dan meyakini hikmahnya yang mana pelaksanaannya pada masa akan datang adalah masa yang lebih sesuai tanpa ada bahaya dan kebimbangan penyebaran wabak penyakit dalam melaksanakan ibadat Haji seterusnya lebih tenang dalam mengejar haji yang mabrur.

Rujukan

Al-Bakri, Zulkifli, (2011). *Taudih Syarah al-Idah Manasik al-Hajj wal-Umrah*. Cetakan Kedua. Bangi: Darul Syakir.



- Al-Bukhari, Muhammad Ismail Abu Abdullah, (1987). *Sahih Al-Bukhari*. Cetakan Kedua. Beirut: Dar Ibnu Kathir.
- Al-Burnu, Muhammad Sidki Ahmad. (1996). *al- Wajiz fi Idhah Qawaid al-Fiqh al-Kulliyyah*. Beirut. Muassasat ar-Risalah.
- Al-Burnu, Muhammad Sidki Ahmad. (1997). *Mausu'ah al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Riyadh. Maktabah at-Taubah.
- Al-Fatani, Abdul Faqir al-Fatani Muhammad Ismail Daud Fatani, (2004). *Matla Al-Badrain*. Kuala Lumpur: Jahabersa.
- Al-Khin. Mustafa, al-Bugha, Mustafa, al-Syarbaji, Ali, (2004). *Fiqh Al-Manhaji Ala Mazhab Imam As-Syafi'i*. Cetakan 1. Negeri Sembilan: Jabatan Mufti Kerajaan Negeri.
- Al-Makki, Abdul Fatah Hussain, (1995). *Kitab I'doh Fi Manasik Al-Hajj Wal-Umrah*. Cetakan 3. Makkah: Maktabah Al-Imdadiah.
- Al-Munzir, Abdul Azim, (1968). *Al-Tarhib Wa At-Tarhib*. Cetakan Ketiga. Mesir: Dar Ihya al-Turath Al-Arabi.
- Al-Nadwi, Ali Ahmad. (2000). *Al-Qawaid Al-Fiqhiyah*. Cetakan Kelima. Damsyik: Dar Qalam.
- Al-Nawawi, Muhyi al-Din Yahya bin Sharaf. (t. t.) *al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*, Beirut. Lubnan. Dar Kutub al-Ilmiah.
- Al-Qusyairi. Muslim Al-Hujjaj Abu Hussain, (2007) *Sahih Al-Muslim*. Beirut: Dar Ihya Al-Turas.
- Al-Subki, Imam Tajuddin Taqiyuddin. (.*Al-Asyhbah wa al-Nazair*. Beirut. Lubnan. Dar Kutub al-Ilmiah.
- Al-Zuhaili, Wahbah. (1999) *Fiqh dan Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Lembaga Tabung Haji Malaysia, (2008). *Ibadat Haji, Umrah Dan Ziarah*. Cetakan Kedua. Selangor: Percetakan Warni Sdn. Bhd.
- Zaidan, Abdul Karim, (1993). *Al-Wajiz Fi-Usul Al-Fiqh*. Cetakan Pertama. Qaherah: Dar Tauzi' Wa Nashru Al-Islamiah.
- Zarqa, Ahmad. (1983). *Syarh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Beirut: Dar Gharb al-Islami.